



Ahli Sidang Melaka kekal ▶ N2


Jururawat dialisis dihargai ▶ N4



## Nyawa terancam

Benteng penahan air Sungai Klang di Kampung Bukit Badak pecah menyebabkan penduduk bimbang dilanda banjir besar.

[FOTO ASYRAF HAMZAH / BH]



“**Sudah banyak kali saya menghantar surat kepada wakil rakyat di kawasan ini tetapi sehingga kini masalah belum selesai”**

**Khatijah Mohd Ali**  
Penduduk

## JPS baik pulih kerosakan

**Jurucakap** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang, berkata pihaknya sudah menerima aduan mengenai benteng pecah daripada penduduk di situ dan projek pembaikan semula benteng terbabit akan bermula tidak lama lagi.

“JPS mempunyai peruntukkan dana kecemasan banjir di setiap daerah dan pihak kami memperuntukkan RM350,000 bagi pembaikan benteng pecah itu selain akan turut sentiasa memantau keadaan benteng berkenaan setiap masa,” katanya.

» **Benteng penahan air pecah, penduduk bimbang berlaku banjir besar**

Oleh **Nurul Fhatihah Zakinan**  
bhshahalam@bh.com.my

► **Klang**

**L**ebih 30 keluarga Kampung Bukit Badak, di sini, bimbang nyawa mereka terancam dan rumah yang didiami ditenggelami air selepas sebahagian benteng penahan air Sungai Klang sepanjang 800 meter berhampiran rumah mereka pecah sejak hampir dua bulan lalu.

Tinjauan *BH Sentral* mendapati, kira-kira 80 meter benteng yang siap dibina pada 2005 itu, roboh malah ketika berada hampir dengan benteng itu, pemberita turut mendengar bunyi rekahan.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Khairi, 38, ber-

kata benteng yang dibina dalam projek kunci air Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak dapat bertahan akibat arus sungai kuat menghempas dinding benteng itu setiap kali hujan.

**Banjir besar**

“Saya bimbang akan berlaku banjir besar sekiranya keseluruhan benteng itu pecah dan air Sungai Klang melimpah ke kawasan kampung ini.

“Penduduk di sini bimbang keselamatan diri dan keluarga serta harta benda andai air Sungai Klang melimpah ke tebing,” katanya.

Khatijah Mohd Ali, 67, berkata setiap kali musim hujan, rumahnya akan ditenggelami air hingga paras buku lali dan keadaan pasti menjadi lebih buruk andai keseluruhan benteng itu roboh.

**Tiada tindakan wakil rakyat**

“Benteng di longkang kecil bersebelahan rumah saya juga sudah pecah dan binaannya rosak. Sudah banyak kali saya menghantar surat kepada wakil rakyat di kawasan ini tetapi sehingga kini masalah belum selesai.

“Saya juga sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk membaiki benteng pada longkang kecil meskipun sepatutnya ia dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan,” katanya yang sudah tinggal di situ sejak 40 tahun lalu.

Tinjauan *BH* di kawasan itu turut mendapati, wujud tapak pelupusan sampah berhampiran dengan benteng berkenaan dan penduduk mendakwa kewujudan tapak itu mungkin menjejaskan lagi struktur binaan benteng terbabit.